

MELUASKAN PERSURATAN MELAYU

OLEH: ZA'BA

3 - KARANGAN CERITA WAYANG

(Sambungan)

Mengarang cerita lakonan wayang itu ada kaedah dan cara-caranya sendiri berlainan daripada kaedah mengarang cerita-cerita biasa. Tuan Taufiq al-Hakim seorang pujangga dan pengarang Mesir yang masyhur telah berucap panjang dari BBC London sedikit masa dahulu dari hal ilmu mengarang cerita wayang, dan naskhah ucapannya itu ada tersiar dalam majalah "al-Mustami" al-Arabi" (majalah BBC cawangan Arab) bagi bulan Mac, April dan Jun tahun 1951 ini. di bawah ini disalinkan di ke Melayu:

ILMU MENGARANG CERITA LAKONAN WAYANG

(1) – Perkara-perkara yang tak boleh tidak bagi cerita wayang.

Karangan cerita wayang itu sebagaimana karangan syair ialah sejenis daripada cawangan ilmu adab (persuratan); Payah dan halus kerjanya, kerana tiap-tiap orang yang hendak mengarang cerita wayang tetaplah mendapati dirinya terhadap kepada beberapa sekatan dan belunggu. Maka sangatlah sedikit kebiasaan yang boleh berbuat sekehendak hati. Pertama-tama ia tidak bebas memilih apa perkara yang ia suka sahaja akan dijadikan cerita; kedua ia tidak bebas pada cara-cara mengarangkannya; ketiga ia tidak bebas mengambil lapangan tempat yang besar untuk tempat mencurahkan kepandaian mengarangnya; dan keempat tidak pula ia bebas memakai seberapa banyak banyak waktu untuk menunjukkan cerita itu.

Maka pada yang pertama itu bukanlah semua perkara layak dikarangkan jadi cerita wayang. Yang demikian samalah seperti karangan syair, bukan semua perkara layak disyairkan atau dijadikan "bahan" karangan syair. Ada beberapa banyak perkara yang tidak dapat diangkat oleh sayap syair, jika diangkatkan juga nescaya ternyata di dalamnya bekas-bekas paksaan, keberatan dan huyung-hayang di bawah bebanan tabiatnya yang memang melekap di bumi sahaja itu; misalnya bukanlah

kerja syair membincangkan hal getah atau membahaskan fasal pekerja-pekerja tak cukup gaji seperti yang boleh dibuat dengan senang jika karangan nasar. Begitulah juga karangan cerita wayang, tiada upaya ia membicarakan perkara-perkara yang tak dapat ditunjukkan di atas panggung yang terhad luasnya dan dengan wasitah pelakon-pelakon manusia sahaja. Misalnya bukanlah kerja cerita wayang menceritakan rupa-rupa pemandangan yang ditunjukkan oleh batu-batu dan barang-barang galian, atau oleh tumbuh-tumbuhan dan pokok-pokok kayu, atau oleh binatang-binatang yang tiada tahu berkata-kata – yakni jika benda-benda yang tersebut itu melakukan bahagian di dalamnya lebih besar daripada bahagian manusia. Adapun sekalian yang tersebut ialah jenis perkara yang boleh dirupakan dengan senang oleh cerita-cerita riwayat betul, tetapi tidak dapat dirupakan oleh cerita-cerita lakonan.

Jadinya tak dapat tidak jika mengarang cerita lakonan wayang mestilah dipilih "perkara yang elok" yang boleh dibentangkan lakonan ceritanya di atas panggung persediaan manusia. Maka iaitu bukannya suatu kerja yang senang pada tiap-tiap halnya, terutama tentang "perkara yang elok" itu kadang-kadang seseorang pengarang cerita wayang itu cukup lengkap pada dirinya sifat-sifat yang boleh menjayakan pengarang seperti bijak,

pandai, cukup kebolehan, elok persediaan, dan luas daya upaya; tetapi jatuh juga dia tiada berjaya dan sebabnya jatuh itu tiada lain hanya kerana perkara yang telah dipilihnya bagi ceritanya itu :perkara bangsat” tiada berguna. Sementara itu jika perkara yang elok telah dipilih maka terkadang-kadang perkara itu pula mengangkatkan kebolehan pengarang hingga dapat dikeluarkan suatu cerita lakonan yang tinggi dan kekal dihargai orang. Oleh sebab itu telah dikata oleh setengah ahli penilai (kritik) “Bahawa mendapat perkara yang elok untuk dikarangkan itu adalah bagi pengarang syair dan pengarang cerita wayang seolah-olah separuh kerjanya telah jaya” pada hal jika mengarang cerita Bbasa sahaja maka sebarang perkara pun, asalkan pengarang itu cukup tahu akan hal-hal kejadiannya dan boleh mengumpulkan butir-butir ceritanya, nescaya bolehlah ia berjaya dengan cukup kejayaan jika elok cara ia menggambarkan, menceritakan, dan meriwayatkan dengan tak payah ada lain-lain sifat selain daripada baik karangannya, terang bahasanya, dan bagus bawaan ceritanya itu sahaja.

Pendeknya “perkara yang elok” itu ialah satu daripada kemestian yang tak boleh tidak jika mengarang cerita wayang. maka yang dikatakan “perkara yang elok” itu ialah sesuatu perkara yang kaya isinya: apabila dimulakan sahaja mengarangkannya oleh pengarang maka melimpah-limpahlah di hadapannya berbagai-bagai hal kedudukan yang baharu dan berbagai-bagai fikiran yang pelik-pelik dan terlintas di dalam hatinya berbagai-bagai orang cerita yang akan mengambil bahagian dalam cerita itu – hingga terasa oleh pengarang itu seolah-olah perkara itu bertambah tumbuh dengan dikerjakan dan bertambah besar dan rimbun seperti pokok rendang yang sedia akan berbuah lebat. Adapun jika “perkara yang tiada elok” maka apabila dibuka sahaja pintunya ia pun terkatup semula, dan apabila dicuba oleh pengarang memaksa dan menanggungkan kepadanya isi yang memang ia tiada upaya membawanya maka terzahirlah padanya kepayahan dan perasaan buat-buat dan mengada-ada. Yang demikian samalah seperti karangan syair pada perkara yang buruk: hujung-hujung pertentangan bunyi serta

sukatan dan timbangnya adalah nampak padanya tetapi keras kaku seolah-olah ukiran pada batu – kesedapannya tidak ada dan isinya tiada bernyawa (seperti “nazam abda” dan “matan al-ghayyah” Ibnu Malik).

Syahdan apabila pengarang cerita wayang itu telah memilih perkaranya yang munasabah maka belunggu yang kedua pun terzahirlah pula dengan sekiranya iaitu ia tiada boleh mengerjakan ceritanya itu dengan kebebasan yang boleh diperbuat oleh pengarang-pengarang cerita biasa pada cerita mereka. Pengarang cerita wayang tidaklah boleh menghidangkan kejadian-kejadian dalam ceritanya itu mengikut acuan-acuan yang dibenarkan oleh “cerita biasa” kepada pengarangnya, seperti acuan cerita-cerita pengakuan jahat baik diri sendiri, peringatan-peringatan hidup, pengalaman hari-hari (riwayat perharian), atau pengembaraan, atau surat-surat kiriman: atau pun seperti acuan cerita-cerita yang didengar daripada mulut seorang kawan atau daripada seorang yang telah melihat dengan matanya sendiri; atau seperti acuan cerita yang diceritakan ikut sekehendak hati penceritanya sahaja tidak! Tiada satu pun daripada sekalian yang tersebut itu dibenarkan kepada pengarang cerita wayang. Ia terikat kepada satu jalan dan satu acuan sahaja tiada boleh berubah dan tiada sayugia berubah – iaitu acuan percakapan di antara orang-orang ceritanya.

Walhasilnya di sini pun pengarang cerita wayang itu serupa keadaannya dengan pengarang syair iaitu apabila mengarang syair mestilah meraikan sukatan, dan timbangan dan saja’ pertentangan bunyi tiada boleh keluar daripada garisan itu. Maka begitulah juga pengarang cerita wayang tiada boleh keluar daripada acuan lakonan wayang – iaitu segala halnya yang diceritakan itu hendaklah sentiasa berlaku dengan dicakapkan atas lidah pelakon-pelakonnya antara seorang dengan seorang. Maka apabila mereka itu bercakap tidaklah patut pengarang itu keluar bersama mereka atau masuk campur dalam percakapan mereka supaya menolong menerangkan apa-apa yang gelap daripada hal ehwal mereka dan gerak geri mereka itu pada hal jika pengarang cerita yang biasa maka yang demikian

(Sambungan pada muka 30)

(Sambungan daripada muka 12)

itu semua boleh diperbuatnya dengan tidak jadi kesalahan apa-apa: Asalkan ada sahaja di mana-mana tentang yang tiada terang halnya dalam cerita itu maka bolehlah ia masuk campur dengan perkataannya pula mensifatkan, menghuraikan dan mentafsirkan apa-apa jua perasaan yang berjalan dalam hati orang ceritanya itu. Adapun pengarang cerita wayang maka terikat tangannya pada tentang yang seperti itu: ia dikehendaki mengadakan orang cerita itu sahaja dengan tiada tercampur pada mereka barang sepele perkataan jua daripada qalamnya yang kira-kira menampakkan bahawa di sebalik orang itu ada seorang pengarang; bahkan yang terwajib menerangkan hal orang itu hanyalah percakapan yang diletakkan pada mulut orang-orang itu sahaja.

Maka percakapan ini dengan berbagai-bagai rupanya ialah perkara yang membezakan tabiat perandai tiap-tiap seorang mereka itu daripada seorang yang lainnya oleh yang demikian terwajiblah pengarang itu memilih untuk jadi orang cerita itu siapa yang banyak selang seli pengalaman hidupnya dan luas fahaman dan pendapatannya hingga kepada had yang membolehkan hati mereka jadi tempat terletak perasaan dan peringatan yang bermacam-macam jenis, dan diri mereka jadi perkakas menzahirkan tabiat-tabiat perandai yang berasing-asing halnya dan coraknya, dan perkataan-perkataan mereka pula dapat mengeluarkan maksud yang dalam dengan petah dan fasih. Maka oleh sebab itulah pengarang-pengarang cerita wayang zaman dahulu kala telah memilih orang-orang cerita mereka dari antara raja-raja dan kepala-kepala pemerintah dan orang-orang berpangkat dalam sesuatu kaum, kerana pada zaman itu beradaban dan segala perkara yang berturut daripadanya tentang banyak selang seli pengalaman hidup dan perasan dan fikiran hanyalah terkhas kepada lingkungan mereka itu sahaja. Kemudian apabila pelajaran dan asuhan pengetahuan telah merebak luas dalam zaman baharu sekarang, hingga meliputi segala orang-orang tingkat pertengahan di bandar-bandar dan dari situ hingga menerbitkan pada mereka bermacam-macam ragam dan corak kehidupan dan perasaan dan fikiran, maka pengarang cerita wayang pun menghadapkan diri kepada orang-orang

tingkat ini pula serta memilih orang-orang ceritanya dari antara mereka itu.


Jarang-jarang seseorang pengarang cerita wayang keluar dari bandar pergi mencari orang-orang ceritanya di kampung-kampung bahkan bilangan cerita wayang yang diambil isinya daripada kehidupan kampung adalah tersangat sedikit didapati dalam tarikh persuratan cerita wayang, baik pada zaman dahulu kala ataupun pada zaman baharu sekarang ini pun. Maka yang demikian ialah terjadi oleh sebab orang-orang kampung itu warna kehidupan mereka tetap semacam sahaja serta tenang tiada banyak gelombang-gelombang, kehidupan mereka biasa berjalan di atas satu acuan, dan tabiat perandai mereka pula "simple" tidak banyak cerewet. Jadinya kehidupan demikian tidaklah banyak dapat memberi kepada seseorang pengarang cerita wayang akan perkara-perkara yang mereka kehendaki iaitu kejadian-kejadian yang membukakan butir halus-halus daripada tabiat perandai manusia dan hal yang pelik-pelik pada budi pekerti mereka demikian pula tiada banyak perkara-perkara pendapatan pancaindera yang boleh mengeluarkan dengan terang akan hal-hal tersembunyi dalam sudut-sudut hati yang sebelah ke dalam sekali. Tambahan pula alam kejadian di kampung-kampung itu berlainan raginya, dan berlainan perhubungan dengan orang ramai; keadaan adalah lebih berhajat kepada tukang syair akan menyebabkan peri cantik rupanya atau kepada pengarang nasar akan mensifatkan rupa warna-warnanya. Ia lebih berhajat kepada pengarang-pengarang yang demikian daripada ia berhajat kepada pengarang cerita wayang; kerana pengarang cerita wayang membentuk bangunan ceritanya hanya di atas warna-warna fikiran dan tabiat laku perandai dan budi pekerti dan pendapatan-pendapatan pancaindera sahaja, tiada lainnya.

Setelah selesai pengarang cerita wayang daripada memilih perkara yang hendak dijadikan cerita, dan telah selesai pula daripada mengirakan bagaimana caranya ia hendak mengarangkannya, maka terbitlah pula kepayahan yang ketiga – iaitu ia tiada boleh berpindah-pindah dengan bebas leluas daripada satu kejadian dan daripada satu orang kepada satu orang dalam ceritanya itu. Maka tidaklah bebas ia melepaskan qalamnya

merayau pada segala teluk rantau seperti yang boleh diperbuat oleh pengarang cerita-cerita biasa; misalnya meletakkan orang ceritanya dalam sebuah rumah, kemudian baharu semuka ditulisnya dipindahkan pula tempat orang itu ke atas kemuncak sebuah bukit atau ke dalam perut sebuah kapal terbang atau di atas sebuah kapal laut. Ada pun pengarang cerita wayang terikat kebolehannya kepada pemandangan yang sedikit yang dapat ditunjukkan dalam lakonannya itu: Maka tiap-tiap kisah yang akan ditunjukkan wajiblah beredar di dalam lingkungannya yang terkurung itu sahaja. Di dalam kawasan yang sempit ini hendaklah bergerak segala riwayat-riwayat duka dan riwayat-riwayat suka manusia, dan dalam kawasan itu juga hendaklah ceritanya itu memberi bekas pada hati segala penontonnya sebagaimana bekas yang hasil daripada cerita-cerita biasa, atau lebih banyak lagi. Pada hal cerita biasa itu orang-orangnya bergerak pada tiap-tiap muka suratnya atau pada tiap-tiap barisnya dalam kawasan panggung yang seluas antara Masyriq dengan Maghribi.

Dalam beberapa tahun yang lalu ini kepandaian manusia telah dapat pula mengadakan “wayang gelap” atau “wayang

gambar” ... Maka pertunjukkan-pertunjukkan wayang gelap itu memasukkan fikiran ke dalam hati orang-orang sekalian bahawa dengan kebolehan yang baharu ini cerita wayang yang sebenar itu pun boleh ditunjukkan dengan anak-anak wayangnya bergerak di udara dan bumi, di darat dan di laut terlebih pantas daripada pergerakan angin-angin; dan pemandangan-pemandangan alamnya boleh dinampakkan dengan secantik-cantik rupanya dan warna-warnanya yang asli. Demikian pula mereka rasa boleh diperbuat bermacam-macam ikhtiar bagi merupakan kejadian-kejadian yang terjadi di alam tabii dan kejadian-kejadian sedih yang di dalam cerita itu, seperti ribut taufan, hujan lebat, gempa bumi, gunung berapi, keretapi berlaga, kapal terbang yang terbakar dan sebagainya: semuanya itu pada hematan mereka boleh dirupakan dengan sehalus-halus rupanya yang sebenar. Maka sekalian ini ialah perubahan-perubahan yang hampir-hampir telah memberi bekas mengubah cara kehidupan panggung wayang dan cerita wayang, bahkan ialah yang telah melorongkan setengah-setengah orang wayang itu berubah keadaannya pula, dengan hal yang demikian maka mereka pun mulalah membangunkan rumah-rumah panggung yang bulat bentuknya atau yang boleh naik turun dengan kuasa perkakas elektrik, dan lain-lain



Tuan Liaquat Ali Khan Perdana Menteri Kerajaan Pakistan sedang berjabat Tangan dengan Gabenor Jeneral Pakistan al-Haj Khawwajah Nizam al-Din tatkala Gabenor Jeneral itu tiba dalam sambutan perayaan ulang tahun yang keempat Kerajaan Pakistan pada 14 ogos 1951 – Gambar khas dari Karachi.

persediaan yang lagi untuk membolehkan mereka melakonkan sesuatu cerita wayang dengan lebih-lebih banyak rupa pemandangannya daripada dahulu.

Akan tetapi perubahan-perubahan ini ialah perubahan yang mendatang jua. Maka tiada lama lekatnya; akhirnya ia hanya menambah kuatkan dan tetapkan bagi panggung wayang dan cerita wayang akan segala sifat-sifat pasaknya sendiri yang sedia lama dan yang telah turun temurun dari beberapa zaman itu. Jadinya orang-orang sekalian pun percayalah bahawa permainan lakonan wayang itu sesuatu kepandaian yang ada mempunyai sifat khas sendirinya dan ada tabiat sejatinya yang berlainan daripada wayang gambar; ia tiada boleh keluar daripada

garisan sifat dan tabiatnya yang tersebut itu hendak meniru jalan yang lain dan mengubah kaedahnya kepada cara yang lain. Kerana kelebihan panggung wayang ialah pada keadaan lapangannya yang sempit dan pemandangan-pemandangan majlisnya yang terhad itu jua, dan kebesaran cerita wayang ialah pada kekuatan tarikannya yang sulit sebagai sihir hingga mendorong penonton-penontonnya masuk menembusi ke sebelah dalam rahsia-rahsia kejadian manusia dan memahami dengan liput sekali akan makna-makna yang setinggi-tingginya dan perasaan-perasaan yang secantik-cantiknya. Sementara itu penonton-penontonnya dapat pula merasa kesedapan perkara-perkara kecil yang indah-indah dan kesukaan perkara-perkara riang yang permai dari celah-celah kalimah percakapan yang dituturkan dengan tiada lebih dan tiada kurang, dan tiada dengan pertolongan daripada gerak geri di luar yang pantas hingga tertahan-tahan nafas olehnya atau bantuan daripada gambar-gambar yang berketutus berganti-ganti menyambar penglihatan mata.

Sekatan yang terbit daripada sempit lapangan panggung tempat melakonkan ini digenapkan pula lagi oleh suatu belunggu yang lain iaitu sekatan pada lapangan masanya yang terhad pula. Seseorang pengarang cerita wayang tidaklah boleh menulis, menulis, menulis sahaj hingga seberapa panjang pun yang ia



“Mustafa Syukri Ashu” pembunuh Al-Malik Abdullah. Ia telah dibunuh dengan serta-merta pada saat itu juga.

suka sebagaimana yang boleh pada pengarang cerita-cerita riwayat yang biasa – iaitu ada kebebasan sebebas-bebasnya boleh memenuhi seberapa banyak kertas pun yang ia kehendakkan, dan orang yang membaca tulisannya itu hanya terpaksa mengikut dia sahaja ... tidak! Pengarang cerita wayang tidaklah boleh berbuat demikian: ia terikat kepada waktu orang yang akan menonton lakonan ceritanya itu kelak dan dialah pula yang terpaksa mengikut kehendak orang-orang itu. Ia dikehendakkan menulis suatu cerita wayang untuk selama masa yang ditentukan bagi melakonkannya kelak. Maka sebarang apa jua hal dan kejadian yang terbit dalam cerita itu hendaklah diisikannya dalam sekian-sekian muka surat yang dihadkan banyaknya dan mesti jangan melebihi daripada selama masa yang ditentukan apabila melakonkannya.

Jadinya kerja pengarang cerita wayang di sini samalah seperti kerja orang yang mengarang lagu bunyian-bunyian (muzik) - iaitu pun terikat juga kepada waktu orang yang akan mendengarnya, tidak boleh ia mengarangkan lagunya itu mengikut seberapa panjang yang didorong oleh perasaan “syok” dan kesedapan sendiri sahaja hingga meleret melebihi had waktu yang diuntukkan bagi orang mendengarnya dalam giliran muzik kelak. Perasaan “syok” dan takrifan sedap pada ahli pengarang lagu dan pengarang cerita wayang itu wajiblah sentiasa berpandu kepada ingatan mesti selalu melihat jam supaya ia tahu akan had-had sempadan di mana yang ia terpaksa mesti berhenti apabila cukup waktunya.

Inilah dia perkara-perkara yang terwajib diambil kira oleh pengarang cerita wayang sebelum ia menjalankan qalamnya memulakan karangannya itu. Empat rantai belunggu dipasangkan kepada kedua tangannya dan kedua kakinya supaya menyekat dia jangan bebas lepas sahaja boleh melompat-lompat dan merayau-rayau ke sana ke mari dengan qalamnya ikut sukanya sebagaimana yang diharuskan boleh berbuat kepada ahli-ahli pengarang jenis yang lain.

Bersambung: (2) Perkakas Cerita Wayang.